

# PULAU PINANG ASIA PACIFIC MASTERS GAMES 2018

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3891-pulau-pinang-asia-pacific-masters-games-2018](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3891-pulau-pinang-asia-pacific-masters-games-2018)

PULAU PINANG, 13 Sep 18 - Sukan Asia Pacific Masters Games (APMG) di Pulau Pinang, Malaysia pada 7-15 Sep 2018 yang pertama kali acara pelbagai sukan di Asia dianjurkan.

Dianggarkan 10,000 peserta dari rantau Asia Pasifik telah mengambil bahagian dalam sembilan hari cabaran sukan dan keseronokan yang melibatkan 21 sukan utama di Asia Tenggara. Asia Pacific Masters Games adalah perayaan global sukan kepada peserta peringkat umur minimum 30 tahun yang menyertai acara pilihan mereka.

Antara acara dipertandingkan adalah Silat Olahraga (Tanding) dan pelbagai kategori iaitu Silat Seni Solo serta Ganda (Tempur) yang melibatkan anggota TUDM menyertai pertandingan ini, bertempat di Setia SPICE Convention Centre.

Keputusan pertanding :

Gold Medal

1. Tanding class I 85kg-90kg  
PW U II Mohd Adha - MTU

Gold Medal

2. Kategori ganda (Tempur Putera)  
Sjn U Mohd Hafiz -No. 15 Skn Pu Butterworth.  
Sjn U Mohd Sabrie - Cawang Kejuruteraan Pu Butterworth.

Tahniah kepada anggota TUDM yang mengharumkan nama TUDM di kejohanan Asia Pacific Masters Games (APMG) di Pulau Pinang, Malaysia.

